

27 DEC 2000

Mahathir-Toleransi

MAJORITI RAKYAT MALAYSIA PUNYAI SIKAP TOLERANSI, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 27 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, majoriti rakyat Malaysia mempunyai sikap bertoleransi yang mencerminkan hubungan baik antara rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Beliau berkata jika tidak ada sesiapa yang "mengacau" rakyat, maka ini akan membantu integrasi rakyat berbilang kaum di negara ini.

"Cuma segelintir adalah orang yang tidak begitu toleran. Tetapi saya berpendapat bahawa di Malaysia ini majoriti rakyat begitu toleran sekali," katanya kepada pemberita selepas menerima ribuan rakyat Malaysia yang mengunjungi beliau dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bagi mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri" di rumah terbuka Hari Raya beliau di Seri Perdana di sini.

Dr Mahathir berkata tradisi kunjung mengunjung di antara pelbagai kaum seperti orang Melayu, Cina dan India pada perayaan mereka adalah suatu yang unik yang jarang terdapat di negara-negara lain.

"Jadi kita dapati di Malaysia bila raya, orang Cina dan India kata "Selamat Hari Raya" dan sama juga hari raya Cina orang Melayu dan India kata "Gong Hee Fat Choy" dan pada Deepavali kita dengar orang Melayu dan Cina kata "Happy Deepavali".

"Ini adalah sesuatu yang boleh kita banggakan kerana ini adalah rakyat biasa dan mereka adalah begitu mesra sekali," katanya

Dr Mahathir berkata hanya mereka yang tidak menerima budaya Malaysia sahaja yang akan mempunyai pendapat yang negatif mengenai perkara ini.

"Hanya orang yang tidak menerap budaya Malaysia sahaja yang berpendapat ini bermakna bahawa budaya Melayu, Cina dan India sudah tercampur dan seolah-olah ini adalah suatu yang tidak baik," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat seharusnya bersyukur kerana Malaysia mempunyai keunikan sebegini.

"Anak-anak Cina tadi pakai baju Melayu, anak India pun pakai baju Melayu. Inilah masyarakat Malaysia yang sebenar. Masyarakat biasa Malaysia," katanya.

Sambil menyifatkan sebagai "pengalaman yang menarik" menerima pelbagai lapisan rakyat pada rumah terbuka Hari Raya beliau, Perdana Menteri juga berkata beliau merasa gembira melihat bilangan rakyat pelbagai lapisan yang mengunjungi beliau dan keluarga lebih ramai daripada sebelum ini.

"... dan suatu yang amat menggembirakan ramai daripada orang Cina dan India ajak anak mereka supaya kata "Selamat Hari Raya Aidilfitri" dan anak-anak kecil mereka bersalam dan cium tangan dan ada yang beri mesej peribadi," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai tetamu dan pelancong asing yang mengunjungi beliau.

"Mereka semua nyatakan betapa gembiranya mereka lihat "pengalaman unik" yang kata mereka tak pernah berlaku di negara mereka sendiri.

"Mereka kagum dengan keadaan ini dan mereka ingin rakamkan untuk bawa balik dan tunjukkan pada rakyat dan kawan-kawan mereka," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV ES AR